

Gelombang kedua mula melanda

801 penduduk Terengganu dipindahkan ke lapan pusat pemindahan

>>Oleh Mohd Nasif Badruddin
mnasif@hmetro.com.my

KUALA TERENGGANU: Banjir gelombang kedua mula melanda negeri ini apabila hujan berterusan di beberapa daerah sejak awal pagi semalam menyebabkan 801 penduduk terpaksa ditempatkan di lapan pusat pemindahan.

Mengikut jurucakap Majlis Keselamatan Negara, sehingga jam 6 petang, semalam Hulu Terengganu mencatatkan jumlah tertinggi mangsa banjir apabila 600 penduduk daripada 181 keluarga ditempatkan di lima pusat pemindahan.

Katanya, 162 orang daripada 50 keluarga ditempatkan di dua pusat pemindahan di Kemaman manakala 39 penduduk daripada 10 keluarga dipindahkan ke sebuah pusat pemindahan di Dungun.

Jabatan Meteorologi Malaysia pula mengeluarkan amaran hujan lebat peringkat



ANGKAT...mangsa banjir, Ramli Ismail, 49, (kiri) bersama Razali Muda, 39, mengangkat televisyen di ruang tamu yang dinaiki air kali kedua.

tinggi melanda Dungun dan Kemaman serta amaran peringkat kuning dengan hujan sekejap-sekejap kadangkala

sederhana di Besut, Setiu, Kuala Terengganu, Marang dan Hulu Terengganu.

Menurutnya, keadaan ini

dijangka berterusan sehingga esok dan boleh menyebabkan banjir di kawasan berkedudukan rendah.

Ragut enam nyawa

KUALA LUMPUR: Keadaan banjir di Terengganu semakin buruk apabila mengorbankan enam nyawa dan bilangan mangsa banjir meningkat kepada 801 orang berbanding 119 semalam.

Menurut portal Majlis Keselamatan Negara (MKN), sehingga jam 6 petang semalam, semua mangsa banjir dari 241 keluarga ditempatkan di lapan pusat pemindahan.

"Di Hulu Terengganu, pusat pemindahan Masjid Kampung Peneh merekodkan mangsa paling ramai iaitu 249 orang dari 101 keluarga diikuti Surau Kampung Menerong, 223 mangsa dari 45 keluarga,"

kata portal itu.

Sementara itu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) memberi amaran empat batang sungai di empat daerah di Terengganu melebihi paras bahaya selain tiga lagi melebihi paras amaran.

"Empat sungai terbabit ialah Sungai Tebak (Kemaman), Sungai Besut (Besut), Sungai Berang (Hulu Terengganu) dan Sungai Dungun (Dungun)," kata portal JPS sehingga jam 6 petang.

Manakala di Pahang, mangsa banjir di tiga kawasan membabitkan 152 orang dari 32 keluarga kini ditempatkan di tiga pusat pemindahan.

Mohd Rosdi Embong, 29, dari Kampung Air Putih, Kemaman berkata, hujan lebat berterusan sejak jam 3 pagi, semalam menyebabkan lebih 20 keluarga di Kampung Teladas bersebelahan kampongnya terpaksa berpindah ke rumah saudara-mara dan rakan serta pusat pemindahan berikutan rumah mereka dinaiki air.

"Keadaan itu juga menyebabkan Jambatan Teladas-Air Putih dinaiki air sedalam 1.5 meter dan ditutup kepada semua kenderaan.

"Lebih teruk sisa kayu merempuh jambatan dan terkena kabel elektrik menyebabkan bekalan elektrik terpaksa diputuskan Tenaga Nasional Berhad demi kesela-

matan penduduk," katanya. Ramli Ismail, 49, dari Kampung Bukit Gemuruh, Hulu Terengganu pula berkata, hujan renyai-renyai sebelum berubah lebat pagi semalam menyebabkan penduduk di daerah itu berjaga-jaga.

"Lebih menyedihkan ada penduduk yang baru pulang dari pusat pemindahan beberapa hari lalu, kini terpaksa menghadapi banjir kedua," katanya.

Menurutnya, air naik sedalam 0.6 meter di kampongnya petang, semalam menyebabkan dia terpaksa meletakkan kereta di tepi jalan besar dan kini risau memikirkan tiga anaknya yang sepatutnya memulakan persekolahan hari ini.